

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/2000**

#### **PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS KHAS DAN BAHAGIAN PENDAKWAAN DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang bagi kali ke 23/2000 yang diadakan pada 25hb. Oktober 2000, setelah menimbang Kertas Bil. 22/1047/2000 telah bersetuju meluluskan penubuhan Pasukan Petugas Khas dan Bahagian Pendakwaan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

2. Adapun objektif dan bidang tugas bagi Pasukan Petugas Khas dan Bahagian Pendakwaan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan adalah sebagaimana berikut :-

#### **Objektif Penubuhan**

- i. Untuk memberi perhatian dan tumpuan kepada ruang-ruang yang boleh mendatangkan hasil kepada Kerajaan setakat mana yang dibenarkan oleh Undang-Undang dan Peraturan tanah yang sedia ada.
- ii. Mengesan dan mencegah kegunaan tanah yang bertentangan dengan syarat-syarat penggunaan.

- iii. Bergerak dan bertindak bersama-sama dengan Unit Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan dan Unit Penguatkuasaan Pejabat-Pejabat Tanah dan Jajahan untuk mengambil tindakan Penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan yang dibenarkan bagi mengurang dan menghalang penipuan pelarian bayaran premium/hasil yang terhak kepada Kerajaan.
- iv. Memberi tumpuan bagi mendapatkan kembali tunggakan hasil dan premium yang patut dibayar kepada Kerajaan.

Bidang Tugas

- i) Hasil tanah
- ii) Tunggakan hasil tanah
- iii) Royalti bahan batu-batan
- iv) Pelanggaran Syarat Kegunaan Tanah
- v) Premium Permohonan Milik Tanah
- vi) Tunggakan Premium Permohonan Milik Tanah
- vii) TOL
- viii) Pendakwaan dan Tindakan Mahkamah

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan juga bersetuju menetapkan keanggotaan Pasukan Petugas Khas ini seperti berikut :-
- |                        |                                                                                |   |                 |
|------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|---|-----------------|
| i)                     | Ketua Pasukan Petugas Khas (N2)                                                | - | 1 orang         |
| ii)                    | Pen. Ketua Pasukan Petugas (N3)                                                | - | 1 orang         |
| iii)                   | Pegawai Petempatan<br>( N9 : dipinjam dari Pejabat-Pejabat Tanah )             | - | 10 orang        |
| iv)                    | Pembantu Tadbir (Perkeranian)<br>( N9 : dari Pejabat Pengarah Tanah & Galian ) | - | 2 orang         |
| v)                     | Jurutaip                                                                       | - | 1 orang         |
| vii)                   | Penyerah Notis                                                                 | - | 1 orang         |
| <b>Jumlah Kakitang</b> |                                                                                |   | <b>16 orang</b> |
4. Hasrat Kerajaan dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas ini adalah menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri melalui objektif dan bidang tugas yang disebutkan di para 2 di atas.
5. Langkah-langkah telah diambil ke arah penubuhan ini dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi penempatan keanggotaan seperti yang disebutkan.

6. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan diminta mengambil maklum mengenai penubuhan Pasukan Petugas Khas ini dan seterusnya mengambil tindakan ke arah mencapai hasrat Kerajaan melalui objektif dan bidang tugas yang ditetapkan bagi penubuhan Pasukan Petugas Khas dan Bahagian Pendakwaaan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

**t.t**

**( Dato' Hj. Md. Yusuf Bin Noh )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA:**

YABrs.Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
(Majlis Mesyuarat Kerajaan).

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN. 4485 JLD.2 ( 5 )**  
**BERTARIKH : 18 SYAABAN 1421**  
**15 NOVEMBER 2000**